

24 JUN 1997

Umno-Pemuda (Bergambar)

ANGGOTA UMNO BUAT LAPORAN POLIS MENGENAI PEMILIHAN KETUA PEMUDA

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Seorang anggota Umno hari ini membuat laporan polis berhubung dakwaan berlaku penipuan dalam pengiraan undi pemilihan jawatan Ketua Pergerakan Pemuda parti tahun lepas.

Khairuddin Abu Hassan, dari Umno Cawangan Medan Imbi, Bahagian Bukit Bintang, di sini, yang membuat laporan itu di Balai Polis Jalan Tun Razak petang ini, beliau terpaksa berbuat demikian kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Pengurusan dan Displin parti untuk menolak dakwaannya baru-baru ini.

Khairuddin juga mendakwa Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, yang gagal mempertahankan jawatan Ketua Pemuda Umno, telah memenangi pemilihan itu dengan majoriti lima undi pada pengiraan pertama dan lapan undi pada pengiraan kedua.

" Tetapi keputusan rasmi undi bercanggah sama sekali daripada keputusan pengiraan undi rasmi," katanya.

Dalam laporan polis itu, Khairuddin juga telah mengemukakan surat akuan daripada seorang saksi utamanya yang terlibat dalam pengiraan undi semasa pemilihan jawatan itu.

Bagaimanapun beliau enggan menamakan saksi itu dan berkata beliau menyerahkan perkara itu kepada pihak berkuasa untuk membuat siasatan.

Rahim sebelum ini mengemukakan aduan itu kepada Jawatankuasa Pengurusan parti awal bulan Mei lepas.

Tetapi Panel Pemilih Umno mendapati tiada kes dalam aduan Rahim berhubung perkara itu, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi parti pada 10 Mei lepas.

Rahim tewas kepada Pengerusi Bank Simpanan Nasional Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang memperolehi 199 undi.

Turut tewas dalam pertandingan lima penjuru itu ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Samad dan seorang calon lagi, Abdul Rahman Mat Salleh.

-- BERNAMA

YBK NAK